

DISINFEKSI DAN DEKONTAMINASI

Disinfeksi dan dekontaminasi perlu dijalankan terhadap perkara-perkara berikut:

- ▲ Kawasan reban
- ▲ Bekas makanan dan bekas minuman
- ▲ Pakaian kerja atau bahan berasaskan kain.
- ▲ Kenderaan
- ▲ Peralatan ladang

Jenis-jenis disinfektan yang sesuai

- ▲ Larutan 4% sodium karbonat
- ▲ Larutan sodium karbonat-dehidrat
- ▲ Larutan 2% Sodium hidroksida
- ▲ Dettol, Lysol, lioindores, losan dll.



BAGI SEBARANG PERTANYAAN LANJUT
sila hubungi:

Seksyen Zoonosis dan Kesihatan Awam
Bahagian Biosekuriti dan SPS
Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia
Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani
Wisma Tani, Blok Podium, Lot 4G1, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62630 Putrajaya

Tel: 03-8870 2006
Faks: 03-8888 6472

atau


Jabatan Perkhidmatan Veterinar
yang berhampiran.



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN
INDUSTRI ASAS TANI WISMA TANI
BLOK PODIUM
LOT 4G1, PRESINT 4
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62630 PUTRAJAYA



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
MALAYSIA



PENYAKIT
NEWCASTLE



PENGENALAN PENYAKIT

- ▲ Penyakit Newcastle (ND) adalah penyakit ayam yang disebabkan oleh jangkitan sejenis virus.
- ▲ Penyakit ini boleh menyebabkan kematian yang tinggi sehingga mencapai 70-100%.
- ▲ Penyakit ini juga boleh menjangkit kepada manusia dan menyebabkan sakit mata
- ▲ Wabak ND berlaku di Malaysia setiap tahun. Impak penyakit yang negatif kepada ekonomi negara adalah besar. Oleh sebab itu, jangkitannya perlu dikawal dan dibasmi dengan segera.

PENCEGAHAN

a. Tanggungjawab orang Awam

- Melaporkan setiap kes kematian ayam dengan segera kepada pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) yang berhampiran.

b. Kawalan pergerakan

- Kawalan pergerakan di antara ternakan yang telah dijangkiti virus dengan ternakan yang tidak dijangkiti adalah penting untuk mencegah penularan jangkitan.



c. Vaksinasi untuk mencegah jangkitan penyakit

- Vaksinasi berkesan menghalang tanda-tanda klinikal jangkitan ND
- "Flock profile" boleh membantu program pemvaksinan untuk mengenalpasti tahap immuniti ayam di dalam ladang

d. Asing singkir dan pemusnahan

- Kaedah untuk membasmi wabak ND adalah dengan pemusnahan ayam (stamping out). Pemusnahan ini dijalankan untuk melenyapkan perumah virus ND. Ini dapat memastikan risiko penularan dapat dikawal.
- Pemusnahan perlu dibuat dengan pantas untuk memendekkan tempoh virus membiak dan tersebar.

e. Kaedah pelupusan

- Pelupusan dengan menanam karkas ayam perlu dijalankan dengan segera, sebaik-baiknya dikawasan ternakan yang sama. Praktik ini dapat mengurangkan risiko virus dibawa keluar dari



kawasan terjangkit.

- Pembakaran karkas ayam boleh dijalankan jikalau tidak menimbulkan masalah alam sekitar

f. Pemusnahan lain-lain produk dan sisa

- Bahan-bahan seperti makanan ternakan, tinja, telur boleh menjadi pembawa virus
- Oleh yang demikian bahan ini tidak boleh dipindah keluar dari kawasan terjangkit. Bahan-bahan ini juga perlu dimusnahkan dan ditanam. Bahan-bahan organik ini perlu ditanam dan dikambus terlebih dahulu sebelum keseluruhan kawasan didekontaminasi.
- Bagi ternakan yang terletak di kawasan yang mempunyai paras air tanah yang tinggi, pastikan kawasan pelupusan ditimbus secara membukit.

